

08 JUL 2001

Rafidah-BN

WANITA MAHU ANGGOTAI DEWAN TERTINGGI BN

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Wanita Barisan Nasional mahu supaya perlembagaan BN dipinda bagi membolehkan ketuanya dan Ketua Pemuda BN menjadi anggota Dewan Tertinggi BN.

Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz berkata hasrat itu dipersetujui oleh semua sayap Wanita parti-parti komponen BN yang bermesyuarat hari ini dan ia akan dipanjangkan kepada Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Hari ini kita diberitahu kalau kita nak buat apa-apapun kita tak ada dalam perlembagaan. Sudah sampai masanya Wanita dan Pemuda Barisan termaktub dalam perlembagaan ini. (Jika tidak) maknanya kita kerja atas ihsan sendirilah... berdasarkan inisiatif dan jasa baik kami," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat itu di sini.

Peruntukan 7 perlembagaan BN menyebut anggota Dewan Tertingginya terdiri daripada pengerusi, naib pengerusi, setiausaha agung, bendahari agung dan tiga wakil daripada setiap parti sebagai anggota.

"Kami berharap (perlembagaan BN) akan memasukkan Ketua Wanita dan Ketua Pemuda Barisan Nasional (dalam Dewan Tertinggi) kerana kami adalah dua komponennya. Lebih separuh daripada anggota parti komponen terdiri wanita, maka wajarlah kami mempunyai wakil," katanya.

Rafidah berkata bahawa sementara menunggu pindaan itu dilakukan, Wanita Bn berharap wakilnya akan dijemput menghadiri mesyuarat Dewan Tertinggi.

"Kami amat gembira untuk hadir kerana ia akan membolehkan kami mengetahui apa yang dikehendaki oleh pemimpin-pemimpin kita supaya kami dapat menyebarkannya kepada yang lain dalam Wanita BN," katanya.

Wanita BN kini mempunyai 2.2 juta anggota, dengan Wanita Umno sahaja mempunyai 1.2 juta anggota. Angka itu hampir separuh daripada 5.7 juta anggota kesemua 13 komponen parti BN.

-- BERNAMA

ZAI MAM MAI